



PENAFIAN HAK TERHADAP KANAK-KANAK KURANG UPAYA

Ketidakupayaan fizikal, mental atau intelektual yang berterusan, mungkin menghalang mereka daripada melibatkan diri sepenuhnya dalam setiap aspek apabila mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran dikenali sebagai orang kurang upaya (OKU).

Meskipun mereka mengalami ketidakupayaan, mereka juga merupakan sebahagian daripada masyarakat. Maka itu, mereka mempunyai hak dan peluang untuk menjalani kehidupan yang sama seperti orang lain.

Untuk memastikan kepentingan dan kesejahteraan OKU, pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan. Penyakit, kecederaan, masalah kecacatan kelahirannya, gangguan pembangunan dan kesihatan mental merupakan beberapa contoh yang boleh menjadikan seseorang dianggap sebagai golongan berkenaan.

Golongan ini memerlukan sokongan, perkhidmatan dan persekitaran yang mesra OKU untuk membolehkan mereka mencapai kualiti kehidupan yang setara dengan orang lain dan menjalani kehidupan yang mandiri dengan baik. Golongan ini hakikatnya mempunyai hak yang sama seperti orang normal. Dasar

OKU menjadi asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Dasar ini turut mengutamakan nilai hak kemanusiaan, seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi membolehkan mereka hidup berdikari, di samping boleh melibatkan diri dalam masyarakat tanpa sebarang diskriminasi.

Pada dasarnya, terdapat banyak akta yang memperjuangkan hak golongan OKU. Misalnya, Akta OKU 2008 (Akta 685) yang mengiktiraf hak mereka agar dapat menikmati faedah dan kemudahan pendidikan, pengangkutan awam, pekerjaan dan penjagaan kesihatan. Akta ini telah dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada Ogos 2008. Yang menariknya, tanpa disadari bahawa kanak-kanak kurang upaya ini memperoleh banyak kelebihan dan mampu bersaing dengan kanak-kanak normal. Mereka boleh mendapatkan

kemudahan pendidikan yang sama rata, bahkan dapat mengasah bakat yang berkemungkinan besar mempunyai potensi untuk cemerlang mengikut tahap masing-masing. Namun begitu, perkara ini agak sukar untuk dicapai kerana mereka berada dalam "sindrom" penafian oleh ibu bapa sendiri sehingga hak mereka terabai.

Masih ramai ibu bapa yang berada dalam penafian untuk menerima keadaan anak yang mempunyai masalah ketidakupayaan. Sesetengah ibu bapa tidak dapat mengesan kelemahan atau ketidakupayaan anak-anak mereka, sebaliknya guru pula yang dapat mengesan masalah yang dihadapi oleh murid seperti tidak boleh membaca walaupun sudah darjah dua. Ada juga sesetengah murid yang tidak boleh menulis walaupun perkataan yang diberikan oleh guru itu sangat mudah untuk difahami. Apabila guru memberitahu kelemahan anak-anak mereka, segelintir ibu bapa menafikan dan mengganggu anak mereka masih

terlalu awal untuk lancar dalam membaca atau menulis. Mereka juga menganggap anak mereka mampu untuk berubah dalam aspek pembacaan dan penulisan.

Kanak-kanak kurang upaya menghadapi masalah pembelajaran yang sangat sukar untuk dikesan oleh ibu bapa kerana fizikal dan rupa paras mereka tidak menunjukkan sebarang kekurangan dan kelihatan normal. Kanak-kanak masalah pembelajaran kebiasaannya mempunyai kekurangan yang melibatkan kognitif mereka. Hal ini menyebabkan ramai ibu bapa tidak menyedari masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Mereka menganggap sikap anak-anak, seperti tantrum, lambat bercakap, terlalu lasak, terlalu leka dengan peranti dan tidak fokus adalah normal untuk perkembangan kanak-kanak pada usia mereka. Oleh itu, apabila guru memberitahu masalah yang dihadapi oleh anak mereka, ibu bapa tidak dapat menerima hakikat sebenar, iaitu anak mereka mempunyai masalah pembelajaran.

Ibu bapa sepatutnya mengambil tindakan lebih awal apabila mendapat maklumat daripada guru berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh anak mereka. Ibu bapa boleh mendapatkan khidmat doktor pakar untuk membuat pengesahan sama ada benar anak mereka ini mengalami masalah pembelajaran dan layak mendapat kad OKU, seterusnya dimasukkan ke kelas pendidikan khas.

Walau bagaimanapun, ada segelintir ibu bapa yang mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak tersebut dan membiarkan anak mereka itu belajar di kelas arus perdana. Kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran tidak dapat pendidikan yang sewajarnya mengikut ketidakupayaan mereka. Kesannya, kanak-kanak ini tidak mampu mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan baik, potensinya tidak berkembang dan semakin tertinggal dalam pelajaran.

Tidak dinafikan bahawa situasi ini agak sukar untuk menerima hakikat bahawa anak yang dikandung itu mempunyai masalah yang boleh

dikategorikan sebagai OKU. Bukan semua ibu bapa, ahli keluarga dan masyarakat yang boleh menerima anak mereka berada dalam kategori golongan kurang upaya. Namun begitu, mereka juga mempunyai hak yang sama seperti anak-anak normal yang memerlukan kasih sayang, hak pendidikan selaras dengan tahap kognitif mereka, kemudahan infrastruktur di kawasan sekeliling dan hak untuk bekerja. Ibu bapa atau penjaga harus bertanggungjawab untuk semua perkara, termasuklah menghantar anak ke pusat pendidikan yang sesuai dan menyediakan semua kelengkapan yang diperlukan oleh golongan OKU.

Penafian hak terhadap kanak-kanak OKU boleh mengakibatkan kesan yang serius dan merosakkan tahap perkembangan dan kesejahteraan mereka. Kanak-kanak OKU yang menghadapi penafian hak mungkin mengalami gangguan dalam perkembangan fizikal, kognitif dan emosi mereka. Kemahiran motor kasar dan halus mungkin terjejas apabila kanak-kanak OKU tidak mempunyai akses kepada terapi fizikal atau latihan yang sesuai. Hal ini boleh merosakkan kemampuan mereka untuk bergerak, mengendalikan objek atau menjalani aktiviti harian dengan lancar. Mereka juga mungkin mengalami gangguan dalam perkembangan kemahiran membaca, menulis dan mengira. Perkembangan kemahiran sosial mereka juga akan terjejas. Kanak-kanak OKU mungkin mengalami ketidakselesaan emosi akibat penolakan dan diskriminasi yang mereka hadapi dalam kehidupan sehari-hari.

Kesan lain yang mungkin akan dihadapi oleh kanak-kanak kurang upaya ialah ketidaksetaraan dan diskriminasi. Kanak-kanak ini boleh mengalami ketidaksetaraan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka akibat dihalang daripada menikmati hak mereka. Mereka mungkin berasa rendah diri dan tidak adil jika mereka menghadapi diskriminasi di sekolah, di tempat awam dan dalam masyarakat secara keseluruhan. Selain itu, kanak-kanak kurang upaya yang hak mereka ditolak

boleh mengalami isolasi sosial. Mereka mungkin berasa terpinggir, tidak dihargai atau terputus daripada rakan sebaya sehingga menyebabkan kesusahan dan kesukaran untuk membina hubungan sosial yang baik.

Penafian hak terhadap kanak-kanak kurang upaya boleh membawa kepada kehilangan peluang dalam pendidikan, pekerjaan dan kehidupan sosial. Walaupun hakikatnya mereka mempunyai potensi yang luar biasa, namun hak yang dinafikan boleh menghalang peluang mereka. Jika mereka mendapat pendidikan dan perhatian yang sewajarnya, mereka boleh menjadi kanak-kanak OKU yang bijak dan boleh menguruskan diri sendiri.



Persekitaran yang sihat juga dapat membantu mereka untuk berkembang dengan lebih baik. Bahkan, mereka juga memerlukan kata-kata semangat dan ruang untuk bercampur dan bergaul dengan masyarakat setempat. Ibu bapa sepatutnya mempunyai kesedaran dan pendedahan awal berkaitan dengan perkara penting yang mampu membantu anak OKU mereka untuk membesar dan memaksimumkan potensi diri apabila telah mengesan masalah yang dihadapi oleh anak.

Penafian hak kanak-kanak OKU adalah isu sosial dan individu yang melibatkan hak asasi manusia. Hal ini memerlukan tindakan dan kesedaran masyarakat tentang pentingnya budaya menghormati, melindungi dan melaksanakan hak kanak-kanak OKU bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang bermakna dan inklusif. Jadilah ibu bapa, keluarga dan masyarakat yang bertanggungjawab dalam memenuhi hak golongan kanak-kanak OKU. ■